



Anwar dalam kunjungannya ke tiga sekolah; SK Sungai Besi, SJKC Kwong Hon dan SJKT Sungai Besi bagi memantau pengedaran Bantuan Awal Persekolahan. (Foto BERNAMA)

# Anwar ucap selamat kembali ke sekolah



**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan ucapan selamat kembali ke sekolah kepada semua pelajar, khususnya kepada murid Tahun Satu yang memulakan langkah pertama ke alam persekolahan.

Beliau berkata, fasa awal pendidikan itu adalah permulaan kepada pembentukan cita-cita dan harapan anak-anak sebagai generasi pewaris masa depan negara.

“Buat ibu bapa, iringlah perjalanan anak-anak dengan doa dan teladan yang baik.

“Semoga setiap ilmu dan nilai yang dipelajari memben-

tuk mereka menjadi insan berakhlak, berilmu dan menyumbang kepada masa depan negara. Insya-Allah,” katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau, semalam.

Dalam pada itu, kira-kira lima juta murid di seluruh negara kembali ke sekolah hari ini (semalam) selepas cuti hujung tahun, termasuk kira-kira 450,000 murid Tahun Satu.

Sesi persekolahan 2026 turut memperkenalkan beberapa inisiatif baharu Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memperkukuh literasi awal, sahsiah murid serta peranan guru dalam mendepani cabaran era digital.